



KENYATAAN MEDIA

MRT LALUAN SSP BERJALAN LANCAR UNTUK FASA PEMBINAAN SETERUSNYA

Seri Kembangan, 11 Julai 2018: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) mengumumkan bahawa kemajuan keseluruhan MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya kini hampir 30% pada awal Julai 2018.

Pengarah Projek Laluan SSP MRT Corp Dato' Amiruddin Ma'aris berkata bahawa melihat kepada kemajuan semasa, projek itu akan dapat diteruskan dengan fasa program pembinaan seterusnya seperti yang telah dijadualkan.

"Kami telah memulakan rentangan panjang jejambat sesilang di sepanjang Jalan Kuala Selangor. Sementara itu, kerja-kerja memasang landasan di laluan utama akan bermula pada Disember 2018," kata Amiruddin semasa taklimat yang diadakan hari ini.

"Dengan pembinaan yang sedang berjalan lancar dan pantas di sepanjang bahagian Utara jajaran bertingkat, kami agak yakin akan dapat menyiapkan kerja-kerja jejambat pada masanya untuk mencapai kejayaan ini," kata beliau.

Peningkatan kerja-kerja pembinaan juga dapat dilihat di bahagian Selatan dan Putrajaya untuk jajaran bertingkat MRT Laluan SSP. Kerja penggalian terowong menggunakan kaedah gerudi dan letupan di bahagian Selatan pertama jajaran bertingkat di Taman Universiti baru sahaja bermula pada Jun 2018. Bahagian yang melangkaui tanah tinggi di kawasan MARDI merupakan satu-satunya bahagian terowong yang digali menggunakan kaedah gerudi dan letupan di sepanjang 38.7km landasan bertingkat. Terowong yang digali menggunakan kaedah gerudi dan letupan dan korek dan timbus adalah sepanjang 540m.

"Terowong yang menggunakan kaedah gerudi dan letupan adalah landasan berkembar tunggal sepanjang 182m. Sementara itu, terowong yang menggunakan kaedah korek dan timbus pula adalah struktur kotak sel berkembar meliputi kedua-dua belah terowong konkrit berjajar sepanjang 197m di sebelah hulu (timur) dan 161m di sebelah hilir (barat)," kata Amiruddin.

"Terdapat tiga kaedah untuk pembinaan terowong, mesin pengorek terowong, gerudi dan letupan dan korek dan timbus. Kami menggunakan kaedah kedua dan ketiga untuk bahagian ini memandangkan ia merupakan kaedah yang lebih kos efektif untuk membina terowong yang lebih pendek berbanding dengan bahagian bawah tanah," tambah Pengarah Projek MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd, Encik Param Sivalingam.



Param juga berkata kaedah gerudi dan letupan akan dijalankan menggunakan New Austrian Tunneling Method (NATM) dengan lapisan tetap konkrit yang berada pada kedudukan asal dan keseluruhan bahagian dijangka siap pada Disember 2019.

Kerja cerucuk gerak, tukup cerucuk dan kepala tiang juga sedang dijalankan di sepanjang bahagian Selatan dan Putrajaya dengan lokasi-lokasi tertentu seperti di Taman Equine dan Cyberjaya telah bersedia untuk melancarkan Galang Kekotak Berseghmen pada akhir Julai.

Sementara itu, kerja-kerja di bahagian bawah tanah MRT Laluan SSP sedang berjalan lancar dan telah 33.3% siap.

“Pada masa ini, terdapat dua Mesin Pengorek Terowong yang beroperasi di sepanjang bahagian bawah tanah dari Bandar Malaysia ke Chan Sow Lin dan enam Mesin Pengorek Terowong telah dijadualkan untuk dilancarkan antara Oktober 2018 dan November 2018. Empat daripadanya akan dilancarkan dari Titiwangsa dengan dua menuju ke Sentul dan dua lagi ke Persilangan HKL. Di samping itu, dua Mesin Pengorek Terowong yang lain akan dilancarkan di Persilangan menuju ke Ampang Park,” kata Amiruddin.

Tambah beliau, kerja lain yang sedang dijalankan adalah kerja cerucuk gerak sekan, pembinaan tembok diafragma, ekskavasi dan kerja-kerja RC untuk kotak stesen dan syaf.

Menyediakan kemas kini berkenaan status perolehan untuk MRT Laluan SSP, Amiruddin berkata sehingga kini, 48 tender telah dianugerahkan merangkumi semua pakej kerja sivil, stesen dan sistem. Baki 20 tender yang masih diteruskan adalah untuk pembinaan Tempat Letak Kereta Bertingkat dan Kontraktor yang telah ditetapkan / Pembekal.

MRT Laluan SSP merupakan laluan kedua perkhidmatan Projek MRT Lembah Klang yang telah memulakan pembinaan pada 2015. Laluan ini akan memberi perkhidmatan kepada penduduk di koridor yang mempunyai lebih kurang 2 juta penduduk bermula dari Sungai Buloh, ke Serdang dan berakhir di Putrajaya. Dengan keseluruhan laluan sepanjang 52.2km, terdiri daripada 38.7km landasan bertingkat dan 13.5km terowong bawah tanah, jajaran ini menghubungkan 35 stesen. Fasa pertama laluan dijangka akan dilancarkan pada Julai 2021, sementara keseluruhan laluan akan beroperasi sepenuhnya pada Julai 2022.

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li

MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali

MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my